

12 DEC 1999

Abu Zahar-Pangkat

TIADA ANDAIAN TURUN PANGKAT, KATA ABU ZAHAR

MELAKA, 12 Dis (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri yang baru dilantik, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, menganggap pelantikannya ke jawatan itu tidak ada kena mengena dengan andaian "turun pangkat".

Beliau berkata apa yang diutamakan ialah kepercayaan dan keyakinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantiknya menjawat jawatan berkenaan.

Menurutnya jawatan setiausaha parlimen kementerian itu merupakan satu amanah bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dapat terus dikekalkan.

"Jika ada orang yang memandang saya turun pangkat, biarkanlah...apa juga yang diberikan oleh Perdana Menteri saya anggap ia sebagai yang terbaik. Terima kasih saya ucapkan kerana memberi kepercayaan kepada saya," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh di sini, hari ini.

Abu Zahar berkata Kementerian Dalam Negeri merupakan satu kementerian yang penting kerana keselamatan adalah tunjang utama bagi sesebuah negara.

Abu Zahar berkata sebagai "orang baru" dalam kabinet Perdana Menteri, beliau akan sentiasa berusaha memberikan yang terbaik dalam membantu segala urusan kepada Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau juga menganggap barisan kabinet yang diumumkan oleh Dr Mahathir mampu membawa negara ke arah yang lebih cemerlang dan mantap.

Selain itu, beliau turut memuji langkah Perdana Menteri melantik ahli akademik dalam kabinet beliau.

"Pelantikan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad sememangnya tepat dan sesuai...kita tidak lagi mahu dituduh bahawa orang politik memonopoli jawatan di dalam kabinet dan sekarang terbukti ada gandingan ahli politik dan ahli akademik," katanya.

-- BERNAMA

MYD NAK